

RAJLIS PRA-PELANCARAN FESTIVAL TAMAN KUALA LUMPUR 2025

Disempurnakan oleh

Datuk Bandar Kuala Lumpur (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif

Jun 2024
Rab
Taman



MAIMUNAH menyaksikan paluan gendang oleh Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Edgard D. Kagan semasa pelancaran Festival Taman Kuala Lumpur.

Aspirasi mesra hijau, inklusif

FESTIVAL Taman Kuala Lumpur 2025 (Kuala Lumpur Park Festival 2025) bakal kembali dengan penganjuran lebih besar, inklusif dan bertaraf serantau, sekali gus menonjolkan komitmen bandar raya ini ke arah menjadi kota hijau, sejahtera dan mesra rakyat.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata festival ini bukan sahaja menyambung kejayaan edisi 2023 yang mencatat lebih 150,000 pengunjung, malah membawa pembaharuan melalui pelancaran inisiatif KL Green Connectors dan penubuhan rasmi KL Central Park Conservancy, satu projek perdana yang akan memelihara dan menyambung kawasan hijau ibu kota secara berstruktur.

“Kuala Lumpur ialah cerminan Malaysia. Festival ini bukan sekadar sambutan, tetapi simbol komitmen bandar raya untuk menyediakan ruang hijau yang menghubungkan masyarakat, merapatkan jurang

dan menjadikan taman sebagai tempat penuh makna – untuk kesihatan, budaya, dan kekitaan,” katanya dalam ucapan pelancaran pra festival di Taman Tasik Titiwangsa.

Maimunah turut mengumumkan bahawa DBKL kini menubuhkan Dana Endowmen DBKL (DBKL Endowment Fund) yang telah mendapat kelulusan pelepasan cukai daripada Kementerian Kewangan, sekali gus membolehkan dana sumbangan awam dan sektor swasta digunakan untuk memperkasa fungsi Taman Botani KL sebagai pusat penyelidikan dan pendidikan.

Datuk Bandar berkata Festival Taman KL 2025 akan menampilkan tiga segmen utama iaitu Mystical Titiwangsa, pengalaman taman fantasi berasaskan legenda Melayu seperti Puteri Gunung Ledang, Hang Tuah dan Si Tanggang, digabung dengan seni cahaya digital dan landskap interaktif. 